

**CONTOH PAKAIAN SEORANG ISLAM
SEMASA BERSUKAN**

WANITA



Bersukanlah dengan menutup aurat semoga setiap amalan diberkati Allah.

LELAKI



"Katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman :
"Hendaklah mereka menahan pandangannya,
dan memelihara kemaluannya, yang demikian
itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya
Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat.
Dan katakanlah kepada wanita yang beriman :
"Hendaklah mereka menahan pandangannya,
dan memelihara kehormatannya, dan janganlah
mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang
(biasa) nampak daripadanya ..." (An-Nur : 30-31)

**CONTOH PEMAKAIAN KETIKA DI
TEMPAT KERJA MENGIKUT
PERSPEKTIF ISLAM**



Menutup aurat adalah WAJIB...

MPKB-BRI menyeru semua warga kota agar ikutlah panduan agama, InsyaAllah kita akan selamat dunia dan akhirat. Pakaian adalah lambang hati kita. Orang yang memiliki hati yang baik akan memakai pakaian yang baik sahaja, begitu juga sebaliknya. Jangan mempertikaikan kewajiban ini.

BERUBAHLAH SEKARANG !!!!



مجلس قريندران كوتبهارو بندري اسلام
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU
BANDAR RAYA ISLAM

Jom Tutup Aurat

*Membukanya
adalah mudoah,
Menjaga dan
menutupnya payah,
Namun membukanya
berdosa,
Menjaganya bermaruah
dan selamat.*

ASTAGHFIRULLAH,
AURAT!

*Wahai saudariku,
jangan kau dedahkan auratmu
kerana ia satu penghinaan pada
dirimu di dunia dan di akhirat.*

Dikeluarkan oleh :
Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKB-BRI

DEFINI AURAT

Diambil daripada perkataan Arab yang bermaksud sesuatu yang kurang, aib dan keji. Orang Arab menamakannya atau menyebutkan sedemikian kerana wujudnya sifat yang keji apabila dilihat atau terbuka. Ibnu Manzur memberikan maksud aurat; setiap sesuatu yang memalukan apabila ianya zahir atau dilihat termasuk juga jika dilihat oleh malaikat atau jin.

**Tutuplah auratmu
sebelum auratmu
ditutupi oleh kain kapan**

Kadar Kompaun dan penalti

- Kompaun maksima RM500.00
- Jika sabit kesalahan penalti tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-dua sekali dan denda tambahan tidak melebihi RM200 bagi setiap kesalahan berterusan selepas disabitkan.

Undang-undang berkaitan Penutupan Aurat dan Pemakaian Sopan MPKB-BRI

Peruntukan berkaitan kesalahan tidak menutup aurat atau berpakaian tidak sopan:

UUK 27A UUK Tred, Perniagaan & Perindustrian MPKB 1989

“Pemegang lesen hendaklah semasa menjalankan tred, perniagaan atau perindustriannya jika ia wanita Islam memastikan dirinya dan semua pekerja wanitanya yang beragama Islam memakai pakaian menutup aurat dan jika pemegang lesen dan pekerja wanitanya bukan beragama Islam hendaklah memakai pakaian sopan”

UUK 2 UUK Tred, Perniagaan & Perindustrian MPKB 1989

Tafsiran aurat - “seluruh tubuh badan wanita kecuali muka dan kedua-dua tangan”.

Tafsiran pakaian menutup aurat - “pakaian wanita Islam yang menutupi seluruh tubuh badan kecuali muka dan kedua-dua tangan dan pakaian berkenaan hendaklah tidak ketat atau sempit atau nipis sehingga menampakkan bentuk tubuh badan”.

**AWAS,
Isu Aurat....
Jangan ambil mudah !**

5 Teras MPKB-BRI

**Keilmuan
Kepatuhan
Kebajikan
Kebersihan
Kesejahteraan**

Keilmuan :

Ilmu-ilmu yang disebarikan diterima, dihargai dan dihayati oleh warga kota dalam usaha mencapai matlamat warga kota berilmu.

Kepatuhan :

Undang-undang kecil dipatuhi oleh warga kota untuk kesejahteraan bersama.

Kebajikan :

Keprihatinan warga kota menerapkan sikap bantu-membantu dalam usaha untuk sama-sama melancarkan pelaksanaan misi dan dasar yang dibawa oleh kerajaan Kelantan.

Kebersihan :

Masyarakat perlu sedar akan kebersihan jiwa yang bermula daripada kebersihan fizikal iaitu berketerampilan kemas sebagaimana digariskan syariat.

Kesejahteraan :

Wargakota hidup aman dan sejahtera dengan suasana yang bersih rohani dan fizikal. Tiada yang “sakit mata” dengan pemandangan yang “jelek” daripada pemakaian-pemakaian yang tidak mengikut syariat.